AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : COVID-19

# Kluster Permata antara penyumbang tertinggi koronavirus di Negeri Sembilan

**Seremban:** Kluster tempat kerja atau Kluster Permata menjadi antara penyumbang tertinggi kepada peningkatan kes Covid-19 di negeri ini, setakat kelmarin.

Jabatan Kesihatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNNS) dalam satu kenyataan berkata, ada penambahan 50 kes baharu Covid-19 membabitkan Kluster Permata menjadikan jumlah keseluruhan 61 kes.

"Kes indeks bagi kluster ini dilaporkan positif Covid-19 pada 7 Januari lalu hasil saringan individu bergejala dan saringan ke atas kontak rapat mendapati 60 lagi individu dikesan positif wabak itu.

"Nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat kerja yang mana kebanyakan kes dilaporkan berlaku di Jalan Permata 1/3 Arab Malaysian Industrial Park Nilai," katanya di sini, semalam.

Negeri Sembilan merekodkan 214 kes baharu Covid-19 kelmarin menjadikan jumlah kumulatif jangkitan wabak itu meningkat kepada 9,753 kes.

Terdahulu, Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun menggesa rakyat negeri itu terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).



KEADAAN di dalam PKRC, Dewan Jubli Perak yang menempatkan 103 pesakit Covid-19 yang sedang menjalani kuarantin.

# Kelantan buka dua 'hospital lapangan'

## *214 individu ditempatkan di PKRC, 2 lagi sedia untuk dibuka*

**Kota Bahru**

Seramai 214 individu kini ditempatkan di dua 'hospital lapangan' atau lebih dikenali sebagai Pusat Kuarantin Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) yang disediakan oleh kerajaan Kelantan.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, sehingga semalam PKRC terbabit adalah di Dewan Jubli Perak (DJP) yang kini menempatkan seramai 103 pesakit dan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) di sini dengan 111 pesakit.

Antara PKRC yang disediakan adalah di Dewan Jubli Perak, Institut Latihan KKM, Hospital Kuala Krai (HKK Lama), Pusat Latihan Tumpat, Dewan Sivik Gua Musang (DSGM), dan Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (PUTIK).



"Buat masa ini hanya dua PKRC sudah beroperasi iaitu DJP dan ILKKM manakala DSGM dan PUTIK kini dalam proses persediaan untuk dibuka.

*"Buat masa ini hanya dua PKRC sudah beroperasi iaitu DJP dan ILKKM manakala DSGM dan PUTIK kini dalam proses persediaan untuk dibuka"*

***Dr Zaini Hussin***

"Keseluruhan PKRC yang disediakan boleh memuatkan seramai 630 pesakit berdasarkan jumlah katil," katanya ketika dihubungi, semalam.

Jelasnya, individu yang ditempatkan di PKRC adalah yang berisiko rendah, namun mereka dikuarantin dan dipantau selepas ujian calitan dilakukan kerana menjadi kontak rapat.

Mengulas lanjut, Dr Zaini berkata, seramai 290 pesakit yang kini dirawat di lima buah hospital yang berstatus Hospital Covid-19 iaitu 86 orang di Hospital Tumpat, Hospital Kuala Krai (Lama) (111), Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) (69), Hospital Sultan Ismail Petra (7) dan Hospital Jeli (17).

Beliau berkata, pada masa ini empat buah hospital sudah menunjukkan penggunaan sehingga 70 peratus daripada jumlah katil yang disediakan.

Unit Rawatan Rapi (ICU) di HRPZII kini menunjukkan penggunaan sebanyak 75 peratus manakala di HSIP pula 40 peratus.

"Bagi pesakit bawah pengawasan pula, seramai 12 orang di Hospital Tengku Anis (HTA) Pasir Puteh dan tujuh orang di Hospital Pasir Mas (HPM)," katanya.